

**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961  
DAN  
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**

**1 APRIL 2016  
8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja.
2. Sila baca soalan dengan teliti sebelum mula menjawab
3. Sila Jawab :  
  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Bagi Bahagian B dan C, sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\*\*SEMOGA BERJAYA\*\*\*\*\***

**BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF**

1. Menurut Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 20/2015 dan 21/2015, salah satu syarat utama bagi memohon untuk mendapatkan Latihan Dalam Perkhidmatan Di Seberang Laut dan Dalam Negeri hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya
  - a. Baik 3 tahun Kebelakangan
  - b. Sangat Baik 3 tahun Kebelakangan
  - c. Sangat Baik 2 tahun dan Cemerlang Satu tahun
  - d. Sangat Baik 2 tahun dan Baik satu tahun
2. Apakah kemungkinan tindakan yang akan diambil terhadap seorang pegawai Kerajaan yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam tanpa mendapat kebenaran Ketua Jabatannya seperti mana yang dinyatakan dalam bab 9 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83?
  - a. Digantung Serta Merta daripada menjalankan tugas
  - b. Ditahan gajinya sehingga ada ketetapan penguasa tatatertib
  - c. Digantung tugas dan gajinya hanya dibayar separuh sahaja
  - d. Kemungkinan dibuang kerja tanpa perbicaraan tatatertib
3. Cuti Lebih Masa adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa (overtime). Siapakah pegawai dan kakitangan yang tidak berkelayakan diberikan Cuti Lebih Masa?
  - a. Bahagian I dan II
  - b. Bahagian II, III dan IV
  - c. Bahagian III, IV dan V
  - d. Bahagian I, II dan III
4. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian I hingga V jika merujuk kepada Peraturan-peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83?
  - a. Setiausaha Tetap dengan sokongan Ketua jabatan
  - b. Ketua Pengarah perkhidmatan Awam dengan sokongan Ketua Jabatan
  - c. Ketua Jabatan dengan sokongan Ketua bahagian
  - d. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalankan kuasa menurut sokongan Badan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

5. Berapakah kadar pembayaran gaji bagi perempuan yang berkahwin mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 80 hari?
  - a. Gaji penuh
  - b. Tidak bergaji
  - c. Separuh gaji
  - d. Budi bicara ketua Jabatan
6. Jika seorang pegawai bercuti tahunan melebihi 30 hari, elaun-elaun berikut tidak patut di terima kecuali?
  - a. Elaun dari rumah ke pejabat
  - b. Elaun Catuan
  - c. Elaun Perjalanan Tetap
  - d. Elaun Pelajaran
7. Dalam keadaan apakah yang boleh menyebabkan kebenaran mendiami perumahan kerajaan akan dibatalkan?
  - a. Berada di Luar negeri bagi tempoh selama 6 bulan kerana mengikuti Latihan dalam Perkhidmatan
  - b. Diarah bertukar / bertugas ke daerah lain yang mana di daerah berkenaan terdapat peruntukan perumahan Kerajaan atau mempunyai peruntukan perumahan persendirian
  - c. Ditahan di wad Hospital Kerajaan melebihi tempoh 6 bulan kerana sakit
  - d. Jumlah penghuni rumah tersebut melebihi jumlah bilik rumah Kerajaan yang diperuntukkan
8. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut Bab 7(a). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan di bawah bab ini?
  - a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
  - b. Pengiklanan dibukakan kepada Kakitangan yang berkhidmat di dalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu sahaja
  - c. Pengiklanan dibukakan kepada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
  - d. Pengiklanan dibukakan kepada Kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta

9. Jabatan awda telah menerima memorandum daripada Biro Mencegah Rasuah bertarikh 28 Mac 2016, memaklumkan bahawa Awang Sagap bin Ragap, pegawai awda dalam Bahagian II telah terlibat dengan Kes Rasuah. Kesnya masih dalam penyiasatan untuk dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menerima wang daripada Syarikat.

Berpandukan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998, salah satu tindakan segera yang awda patut laksanakan ialah menahan gaji erta elaun. Berapa peratuskah gaji dan elaun Awang Sagap bin Ragap akan di tahan?

- a. 100%
  - b. 40% gaji dan 60% Elaun
  - c. 50%
  - d. Tidak ada penahanan
10. Berapakah jumlah hari maksimum yang dikira sebagai cuti sakit jika dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Persendirian?
- a. Tidak melebihi 1 hari
  - b. Tidak melebihi 2 hari berturut-turut
  - c. Tidak Melebihi 7 hari
  - d. Tidak melebihi 15 hari berturut-turut
11. Seorang Pegawai dalam Bahagian II yang berumur 42 tahun yang menemani pesakit menerima rawatan di luar negara atas biaya Kerajaan boleh diberikan Cuti Pendahuluan jika baki cutinya telah habis. Berapa Kadar cuti yang diberikan bagi Cuti Pendahuluan itu?
- a. 42 hari
  - b. 50 hari
  - c. 48 hari
  - d. 60 hari
12. Bagaimanakah tatacara perhubungan persuratan di antara Setiausaha Tetap dengan Jabatan dalam Kementerian yang sama?
- a. Letterhead
  - b. Memorandum
  - c. Minit
  - d. Ketiga-tiganya

13. Surat Pemberitahuan dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan mengenai dengan isu-isu seperti berikut:
  - a. Berkaitan dengan hal ehwal kewangan
  - b. Berkaitan dengan hal ehwal dasar-dasar serta peraturan umum Kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan
  - c. Isu-isu pentadbiran atau rutin berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing
  - d. Ketiga-tiganya
14. Menurut perenggan 4.1 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/2008, jika seorang pegawai dikehendaki memangku 1 jawatan atau 2 jawatan dan juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas biasanya, berapa kah kadar pengiraan elauan memangku yang patut diterima oleh pegawai yang memangku tersebut?
  - a. 1/5 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - b. 1/3 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - c. 1/3 dari gaji permulaan jawatan pegawai yang memangku
  - d. 3/5 dari gaji jawatan yang dipangku
15. Apakah gred penilaian prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 91%?
  - a. Memuaskan
  - b. Baik
  - c. Sangat Baik
  - d. Cemerlang
16. Berapakah kadar baksis yang diberikan kepada semua peringkat pegawai kontrak tempatan?
  - a. 15 Peratus (15%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk kontrak pertama dan kedua
  - b. 20 Peratus (20%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk kontrak pertama dan kedua
  - c. 20 Peratus (20%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
  - d. 25 Peratus (25%) daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh

17. Program latihan di luar negeri yang tempohnya tidak lebih 30 hari diistilahkan sebagai
  - a. Latihan Jangka Panjang
  - b. Latihan Jangka Sederhana
  - c. Latihan Jangka Pendek
  - d. Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh
  
18. Pegawai yang layak menerima Elaun Khas seperti yang dinyatakan di dalam Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 1/1987, 1/1991 dan 1/1994 kecuali?
  - a. Pegawai dalam perkhidmatan tetap dan sebulan ke sebulan daripada bahagian II ke bawah
  - b. Pegawai dalam perkhidmatan secara open-vote dan bergaji hari daripada bahagian II ke bawah
  - c. Pegawai yang berkontrak dan menerima gaji tidak melebihi \$2970 sebulan
  - d. Pegawai yang belajar di luar negeri secara cuti tidak bergaji
  
19. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan cuti tanpa gaji bagi menemani pesakit di dalam dan luar negeri yang kurang daripada 30 hari?
  - a. Jurukira Agung
  - b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - d. Ketua Jabatan
  
20. Menurut Surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 18/1998, Elaun Perjalanan dari Rumah ke Pejabat, berapakah kadar elaun bagi pegawai-pegawai yang sedang menerima Elaun Perjalanan Tetap jika jarak jauh rumah pegawai tersebut menggunakan kereta adalah lebih 4.5 km tetapi tidak lebih daripada 9.5 Km?
  - a. \$ 29.00
  - b. \$ 37.00
  - c. \$ 40.00
  - d. Tidak berkelayakan untuk diberikan Elaun Perjalanan dari Rumah ke Pejabat

21. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) memfokus kepada tiga (3) perkara utama:
- Orang Ramai, Piawai dan Kewangan
  - Orang Ramai, Etika Kerja dan Kewangan
  - Orang Ramai, Piawai dan Sikap / etika
  - Orang Ramai, Ketepatan dan keberkesanan
22. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 7/2011 mengenai Peraturan bagi Pemberian Elaun Cuti (Pindaan), semua pegawai tempatan yang berjawatan tetap yang menerima gaji pokok melebihi B\$1,930 sebulan akan, untuk sekali sahaja dan setelah berkhidmat selama 10 tahun diberikan elaun tambang bagi diri dan isterinya, bilakah elaun tambang ini akan ditiadakan pemberiannya?
- 1 Januari 2017
  - 1 Januari 2018
  - 1 Disember 2016
  - 23 Februari 2017
23. Pegawai yang menggunakan bantuan Kemudahan Kewangan Kerajaan untuk memiliki Perumahan dan pada masa yang sama mendiami perumahan Kerajaan adalah dikehendaki mengosongkan perumahan kerajaan tersebut dan berpindah ke rumah yang baru dibinanya setelah siap.
- Apakah tindakan yang perlu diambil jika pegawai tersebut gagal untuk mengosongkan perumahan Kerajaan tersebut?
- Dikenakan kadar bayaran sewa rumah/pangsa yang sebenar (mengikut kadar yang ditetapkan)
  - Di beri kelonggaran ke atas pegawai tersebut untuk melanjutkan tempoh mendiami perumahan kerajaan tidak lebih 1 tahun
  - Dikenakan kadar dua(2) kali ganda bayaran mendiami perumahan kerajaan sehingga pegawai tersebut mengosongkan perumahan kerajaan tersebut
  - Diberikan teguran sehingga pegawai tersebut mengosongkan perumahan tersebut
24. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan PhD?
- \$ 127.70
  - \$ 111.30
  - \$ 90.45
  - \$ 140.60

25. Dengan berpandukan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 11/1999, apakah tindakan yang boleh diambil ke atas seorang Pegawai yang dijemput untuk menghadiri Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan tetapi tanpa alasan yang munasabah telah tidak menghadiri jemputan berkenaan sebanyak 2 kali berturut-turut?
- Teguran dan peringatan secara lisan
  - Teguran dan ingatan Keras secara bertulis atau di catat dalam rekod perkhidmatan
  - Tahap prestasi diturunkan setingkat
  - Digantung dari menjalankan Tugas serta Gaji dan Elaun
26. Semua Pegawai dan Kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi, pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit (B\$10,000) dan :
- Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun
  - Penjara tidak lebih dari lima (5) tahun
  - Penjara tidak lebih dari tiga (3) tahun
27. Sebarang pewujudan jawatan baru yang mana gelaran jawatan berkenaan belum wujud dalam Perkhidmatan Awam hendaklah di hadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak berkuasa untuk pertimbangan. Siapakah yang dimaksudkan pihak berkuasa berkenaan?
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Jabatan Perbendaharaan
  - Jabatan Perbendaharaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan
28. Salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) adalah apabila seseorang pegawai telah menerima gaji maksimum selama lebih beberapa tahun
- 1 tahun
  - 2 tahun
  - 3 tahun
  - 4 tahun

29. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut di dalam negeri yang berumur seperti berikut:
- 5 tahun sehingga 25 tahun
  - 10 tahun sehingga 25 tahun
  - 3 tahun sehingga 25 tahun
  - 5 tahun sehingga 28 tahun
30. Peserta akan menerima pembayaran simpanan Persaraan Caruman Tambahan (SCP) apabila mencapai umur 60 tahun secara bulanan untuk tempoh berapa tahun?
- Seumur hidup
  - 15 tahun
  - 20 tahun
  - 10 tahun

**BAHAGIAN B**

**Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja.**

**Setiap soalan mempunyai 5 markah.**

Sila Terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Elaun Gangguan
2. Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)
3. Cuti Pendahuluan bagi maksud menemani Pesakit menerima rawatan di luar negara atas biaya Kerajaan
4. Tatacara penghantaran surat jenis Letterhead
5. Kaedah Pengiklanan jawatan Kosong
6. Tatacara penetapan Tarikh Lahir dalam Perkhidmatan Awam
7. Kategori-Kategori jawatan yang boleh dipangku jika ketiadaan pemegangnya dalam 1 hari
8. Pencen Turunan
9. Perbezaan Cuti Kontrak Asing dan Tempatan
10. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA)

## **BAHAGIAN C**

**Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja.**

**Setiap soalan mempunyai  $17 \frac{1}{2}$  markah**

### **SOALAN 1**

Dayang Sinur Binti Sinar seorang Kerani Kewangan di Jabatan Perkhidmatan Makmal telah terlibat dalam kes curi tong gas di sebuah kedai koperasi Mukim Pangkalan di Daerah Tutong pada 23 Februari 2015 yang lalu. Pengarah Perkhidmatan Makmal telah menerima laporan dari pihak Polis mengenai keterlibatan Dayang Sinur binti Sinar pada pada 25 Februari 2015. Kes tersebut telah dibicarakan di mahkamah pada 11 Januari 2016 dan Dayang Sinur telah didapati bersalah kerana bersubahat dalam kes curi tersebut dan dijatuhkan hukuman penjara enam (6) bulan dan denda \$2,000. Laporan Majistret mengenai kes sabit kesalahan Dayang Sinur binti Sinar telah dihadapkan kepada Pengarah Perkhidmatan Makmal.

Awda selaku pegawai yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran di Jabatan Perkhidmatan Makmal, sila jelaskan tindakan yang perlu diambil oleh Pengarah Perkhidmatan Makmal ke atas Dayang Sinur binti Sinar.

- a. Sila terangkan tatacara mengambil tindakan setelah mendapat laporan daripada Pihak Polis ke atas keterlibatan Dayang Sinur bin Sinar dalam Kes Curi tersebut. **(5 markah)**
  
- b. Sila terangkan tatacara mengambil tindakan setelah menerima laporan sabit kesalahan curi daripada pihak Majistret. **(5 markah)**
  
- c. Terangkan tindakan yang boleh diambil jika gagal bertindak melaksanakan perkara di a. dan b. dinyatakan di atas. **(2 markah)**
  
- d. Dalam melaksanakan tindakan tatatertib seperti kes ini, apakah dasar Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan tindakan tatatertib yang adil? **(3  $\frac{1}{2}$  markah)**
  
- e. Apakah peraturan tatatertib yang boleh diambil bagi sabit kesalahan ini menurut Peraturan 39 dan 44, Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83. **(2 markah)**

## **SOALAN 2**

Bepandukan kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2003, setiap Kementerian hendaklah menubuhkan Audit Dalaman. Penubuhannya di Jabatan-Jabatan adalah atas budi bicara Setiausaha Tetap berdasarkan kesesuaian dan keperluan masa.

- a. Sila nyatakan apakah objektif penubuhan Audit Dalaman. **(6 markah)**
- b. Sila nyatakan lima (5) bidang tugas Audit dalaman. **(5 markah)**
- c. Apakah garis panduan yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2003 berhubung dengan penubuhan Audit Dalaman? **(5 markah)**
- d. Dalam memastikan Unit Audit Dalaman yang ditubuhkan di Kementerian / Jabatan dapat berfungsi dengan berkesan, unit tersebut perlu bekerjasama dengan beberapa Jabatan Kerajaan. Sila nyatakan jabatan-jabatan lain yang dimaksudkan. **(1 ½ markah)**

### **SOALAN 3**

Di antara strategi-strategi yang boleh digunakan dalam mendokong Wawasan Brunei 2035 adalah Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Terdapat sebelas (11) ciri rukun akhlak dan etika kerja. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam mengamalkan sikap Bersih, jujur dan amanah amalan mulia dan titih, lutanan dan menghargai masa asas kejayaan, Meningkatkan produktiviti dan daya saing menambah penghasilan. Dalam hubungan ini,

- a. Sila terangkan secara ringkas ciri-ciri rukun akhlak dan etika kerja seperti berikut :
  1. Bersih, jujur dan amanah amalan mulia **(4 markah)**
  2. Titih, lutanan dan menghargai masa asas kejayaan **(4 markah)**
  3. Meningkatkan produktiviti dan daya saing menambah penghasilan **(4 markah)**
  
- b. Dalam ciri meningkatkan produktiviti dan daya saing menambah penghasilan adalah berkaitan dengan Manual Prosedur Kerja (MPK). Sila terangkan definisi MPK serta faedah dan kesannya kepada produktiviti dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. **(5 ½ Markah)**